

Johor arahkan pegawai2 pakai lencana

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

JOHOR BAHARU, Selasa — Kerajaan Johor akan mengarahkan semua pegawai dan kakitangannya memakai lencana nama di baju masing-masing sebagai tanda pengenalan diri, sebaik sahaja tempahan lencana-lencana itu siap dibuat.

Arahan ini dinyatakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Sulaiman Mohd Noor menyahut seruan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang mahu kerajaan-kerajaan

negeri mengikuti langkah kerajaan pusat yang telah mengarahkan semua pegawai dan kakitangannya memakai lencana nama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam telahpun memakal lencana nama masing-masing sebagai langkah menggalakkan pegawai dan kakitangan kerajaan mematuhi arahan tersebut.

Dengan pengumuman kerajaan Johor ini, bererti Johor adalah negeri pertama menyahut seruan Timbalan Perda-

na Menteri mengenai pemakaian lencana nama.

Datuk Sulaiman berkata, kemungkinan juga Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ajib Ahmad akan turut juga memakai lencana nama bersama-sama dengan pegawai dan kakitangan kerajaan Johor.

Belliau berkata, tempahan lencana nama ini akan dibuat secepat mungkin dan kemungkinan besar dalam masa seminggu dua tempahan ini akan siap dan pegawai dan kakitangan kerajaan akan memakainya.